

Kajian IPT bukan untuk diperap

Tengku Mahkota Pahang mahu universiti jadi pusat penyelidikan analisis kritis

Oleh Sariha Mohd Ali

KUANTAN: Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah mahu universiti tempatan yang selama ini menekankan kajian dan pembangunan, supaya melakukan analisis kritis mengenai peranannya sebagai gedung penyelidikan.

Baginda yang juga Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) bertitah, langkah itu penting kerana masyarakat ingin mengetahui status hasil penyelidikan dijalankan, sama ada ia sekadar bahan arkib atau pameran saja.

Baginda bertitah, semua hasil penyelidikan sewajarnya dikomersialkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa atau sekurang-kurangnya dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar.

"Pihak pengurusan dan pentadbiran universiti juga perlu mengambil kira peranan universiti dan ahli akademik terhadap masyarakat di dalam dan luar kampus kerana ilmu yang mereka hasilkan perlu dikongsi semua pihak dan bukannya eksklusif untuk golongan tertentu.


"Kurikulumnya juga perlu selari dengan kehendak pasaran kerana kita mahu melahirkan manusia berilmu yang seimbang segenap aspek dan mampu menyumbang semula kepada agama, bangsa dan negara.

"Pembinaan kurikulum yang kompetitif ini boleh melahirkan graduan yang memenuhi kehendak pasaran kerja kerana hakikatnya, majikan dan industri lebih berminat dengan mereka yang berkebolehan dan berketrampilan," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada majlis Konvokesyen ke-2 UMP di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Mohd Hilmey Mohd Taib dan Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela.

Seramai 722 graduan iaitu lima pelajar pasca siswazah sulung UMP



TAHNIAH: Tengku Abdullah menyampaikan Anugerah Diraja Pingat Jaya Cemerlang kepada Syed Mohamad Hamzah Al-Junid, pada majlis Konvokesyen kedua UMP di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah di Kuantan, semalam.

menerima sarjana, 428 menerima ijazah sarjana muda dan 289 orang menerima diploma pada majlis konvokesyen itu.

Tengku Abdullah bertitah, pensyarah perlu mempertingkatkan aspek pengajaran dan pembelajaran, selain memperlengkapkan diri dengan teknik dan pendekatan terkini bagi membolehkan usaha menggilap pelajar dilaksanakan dengan jayanya.

"Setiap pensyarah perlu mema-

“Universiti patut jadi pusat percambahan pemikiran dalam semua bidang”

Tengku Abdullah
Sultan Ahmad Shah
Canselor UMP

hami dan menghayati semangat pendidikan dengan menjadikan pelajar sebagai keutamaan mereka.

"Konsep universiti sebagai menara gading tidak sesuai lagi, sebaliknya tanggapan berkenaan perlu diubah dengan menjadikan universiti sebagai pusat percambahan pemikiran dalam semua bidang kehidupan.

"Bagaimanapun, untuk menambah baik universiti, ia perlu mem-

babitkan semua pihak yang berkepentingan dengannya kerana mereka mempunyai pandangan dan input yang boleh dimanfaatkan universiti.

"Saya yakin, jika ini dapat dilaksanakan, kita pasti akan berjaya menghasilkan modal insan yang berprestasi unggul dan berminda kelas pertama, melalui perancangan mantap dan strategik serta tindakan yang konstruktif dan bersepadu," titah baginda